

27 NOV 1999

Muluk-Pembangkang

PEMBANGKANG SUDAH TIDAK SEHALUAN, KATA MULUK

BUKIT MERTAJAM, 27 Nov (Bernama) -- Pakatan pembangkang yang bercita-cita mahu menubuhkan kerajaan alternatif sekiranya memenangi pilihan raya ke-10 Isnin ini, tidak sehaluan sejak daripada mula ia diwujudkan, kata bekas Timbalan Setiausaha Agung DAP, Abdul Muluk Daud.

Beliau mendakwa tiada persefahaman antara pemimpin parti-parti yang membentuk Barisan Alternatif terutamanya DAP, Keadilan dan PAS dan mereka tidak boleh mencapai kata sepakat terutamanya mengenai pembahagian kerusi.

Beliau menyifatkan kerjasama parti pembangkang dalam Barisan Alternatif sebagai "berpura-pura" kerana mereka sebenarnya memang tidak boleh bersama tetapi terpaksa berbuat demikian dengan tujuan hanya untuk memenangi pilihan raya.

Katanya beliau yakin DAP akan keluar daripada pakatan itu apabila Barisan Alternatif memenangi pilihan raya kerana Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang memang tidak mahu gabungan parti berbilang kaum.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang merasmikan Politeknik Seberang Perai di Permatang pauh di sini, beliau berkata DAP sanggup berbuat apa sahaja asalkan mereka dapat memenangi pilihan raya.

Muluk berkata Kit Siang telah menyatakan pendiriannya pada mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) bahawa DAP terpaksa menjaga "asas tradisinya" iaitu masyarakat Cina.

Muluk berkata DAP perlu berhati-hati untuk menjalinkan kerjasama dengan parti lain terutamanya PAS kerana hubungan itu boleh menyebabkan sokongan daripada penyokong akar umbinya berkurangan.

Beliau turut mendedahkan bahawa Kit Siang pernah marah dan bosan dengan tindakan Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar yang sering meminta supaya lebih kerusi diagihkan kepada parti itu.

"Kit Siang juga tidak senang dengan nama "Barisan Alternatif" dan dia tidak pernah bersetuju dengan nama itu kerana beliau menganggap tidak perlu wujud satu lagi barisan selepas Barisan Nasional (BN)," katanya.

Katanya Kit Siang juga jelas menidakkan keupayaan calon-calon Melayu untuk bertanding di kerusi Parlimen mewaiki DAP dan beliau sendiri adalah antara mangsa putar belit pemimpin itu.

Terdapat lima calon Melayu yang berpotensi untuk bertanding di kerusi Parlimen tetapi Kit Siang tidak bersetuju mungkin kerana menganggap orang Melayu tidak layak untuk menjadi pemimpin.

"Kemungkinan besar Kit Siang tidak mahu orang Melayu jadi pemimpin dan menganggap Melayu sebagai pemimpin kelas kedua (second class)," katanya.

Menurutnya terpulang kepada rakyat membuat penilaian terhadap sikap DAP dan pemimpinnya serta gabungan pembangkang dan memilih sebuah kerajaan yang benar-benar boleh memperjuangkan masa depan negara dan bangsa.

Muluk turut mencabar Kit Siang supaya menafikan bahawa parti itu ada menerima bantuan kewangan daripada orang asing kerana beliau pernah menyertai rombongan seramai 10 orang pemimpin DAP ke Sweden selama dua minggu pada tahun 1996.

Menurutnya beliau difahamkan bahawa pemergian mereka itu adalah atas jemputan Swedish Social Democratic Party (SAP), iaitu parti pemerintah negara berkenaan tetapi setelah melihat surat dari Stockholm yang dihantar oleh Timbalan Setiausaha Antarabangsa SAP, Roger Hallhag, jelas rombongan itu adalah atas inisiatif Lim Guan Eng dan James Wong.

Beliau juga memetik surat Hallhag yang menyebut: "pemergian dan

penginapan bagi 10 orang dapat dibiayai kerana menggunakan tambang udara paling murah dari Malaysia."

Muluk mendakwa DAP memang telah menerima bantuan kewangan daripada luar untuk aktiviti mereka.

-- BERNAMA

ZU LAT